KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
No. 47 Persiaran Perdana,
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8888 2357
Laman Web : www.rurallink.gov.my

Rujukan Kami : KKLW.100-1/6/1 ( )
Tarikh : 22 Mac 2016

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Dato'Seri/Dato'Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW) BILANGAN 1 TAHUN 2016 – PENUBUHAN JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA DI KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Perolehan KKLW telah membuat semakan semula ke atas proses pemberian lanjutan masa (Extension of Time) bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di KKLW. Ia adalah selaras dengan usaha untuk memantapkan keberkesanan pemantauan pengurusan kontrak bagi mengurangkan isu EOT yang berulang kali serta bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan semua projek Kerajaan dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan demi memastikan perancangan sistem penyampaian negara tercapai.

3. Oleh yang demikian, satu pekeliling dalaman Kementerian berkenaan Penubuhan Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa di Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW) telah disediakan untuk digunapakai oleh semua Jabatan, Agensi, Bahagian dan Pejabat Cawangan Negeri (PCN) sebagai rujukan dan panduan dalam pelaksanaan projek pembangunan di KLLW.

4. Sehubungan itu, dikemukakan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) Bilangan 1 Tahun 2016 – Penubuhan Jawatankuasa Kelambatan Dan Lanjutan Masa Di Kementerian Kemajuan Luar

Bandar & Wilayah sebagaimana di **LAMPIRAN** yang telah mendapat kelulusan YBhg. Dato' KSU untuk rujukan pihak YBhg. Dato'Seri/Dato'Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(NASHARUDDIN BIN ABU BAKAR)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

s.k

KSU

TKSU (R)

TKSU (P)

SUBK (KP)

EDARAN DALAMAN.

SUB (R)

SUB (BI)

SUB (KR)

SUB (PP)

SUB (TW)

SUB (PE)

SUB (PSA)

SUB (P)

SUB (PSM)

SUB (ICT)

SUB (KI)

SUB (TEKNIKAL)

SUB (AKAUN)

KETUA UNIT (INTEGRITI)

KETUA UNIT (UAD)

KETUA UNIT (UKK)

KETUA UNIT (NKRA)

LAMPIRAN

AGENSI/JABATAN

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Aras 5-9, No.47
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya
Faks: 03-8888 2312

Pengarah
Institut Kemajuan Desa (INFRA)
Lot 2A, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang.
Faks: 03-8926 5901

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
Tingkat 20 & 20M, West Block
Wisma Selangor Dredging
142-C, Jalan Ampang
50548 Kuala Lumpur
Faks: 03-2162 7166

Ketua Pengarah
Majlis Amanah Rakyat (MARA)
Tingkat 10, Bangunan Medan MARA
Jalan Raja Laut,
50609 Kuala Lumpur
Faks: 03-2691 6872

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
Ibu Pejabat KEJORA
Jalan Dato Onn
Bandar Penawar, Desaru
81900 Kota Tinggi,Johor
Faks: 07-822 1600

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
Bandar Baru Gua Musang
18300 Gua Musang
Kelantan
Faks: 09-912 6855

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
Bandar Al-Muktaffi Bilah Shah
23400 Dungun, Terengganu
Faks: 09-822 3105

Pengurus Besar
Lambaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
Bangunan Tunku-UMNO Negeri Kedah
Jalan Tengku Ibrahim
Peti Surat 195
05270 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Faks: 04-734 0958

Ketua Pengarah
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil
Perusahaan Getah (RISDA)
Bangunan RISDA
KM 7, Jalan Ampang
Karung Berkunci 11067
50990 Kuala Lumpur
Faks: 03-4251 7504

PCN KKLW

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Melaka /N.Sembilan
No 255 & 256, Jalan Haruan 5/7
Pusat Komersial Oakland, Seremban 2
70300 Seremban, NEGERI SEMBILAN
Faks : 06 631 4164

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Perak
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Blok B, Tingkat 2, Bangunan Persekutuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, PERAK
Faks : 05 2411 068

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang
Tingkat 7, Wisma Persekutuan
Jalan Kampung Baru, 05000 Alor Setar, KEDAH
Faks : 04 7314956

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Johor
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
d/a Peti Surat No.27, Tingkat 5, Bangunan KWSP,
Jalan Dato' Dalam, 80000 Johor Baru, JOHOR
Faks : 07 2266409

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Pahang
Pejabat RISDA Negeri Pahang
Aras 4, Blok B, Lot 7876, Jalan Haji Junid
25200 Kuantan, PAHANG
Faks : 09 5163249

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Terengganu
No. 23, Tingkat 1, PT3158
Pusat Niaga Paya Keladi, Jalan Paya Keladi
20100 Kuala Terengganu, TERENGGANU
Faks : 09 6305010

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Sarawak
Tingkat Bawah, Wisma Hong
No. 202, Batu 2 3/4 Jalan Rock
93200 Kuching, SARAWAK
Faks : 082 253811

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Kelantan
Bangunan FELCRA Berhad
Tingkat 1, Lot 145 & 146
Seksyen 25, Jalan Sultan Yahya Petra
Peti Surat 152, 15710 Kota Bahru, KELANTAN
Faks : 09 7480961

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Sabah,
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,
Tingkat 2, Blok C, Bangunan KWSP, Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, SABAH
Faks : 088-254349

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BILANGAN 1 TAHUN 2016

Setiausaha Bahagian KKLW
Ketua Unit KKLW
Ketua Pengarah
Pengurus Besar
Pengarah INFRA
Semua Pengarah Pejabat Cawangan Negeri (PCN)

PENUBUHAN JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA DI KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penubuhan Jawatankuasa Kelambatan & Lanjutan Masa (JKLM) di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan menetapkan tatacara permohonan serta format laporan pengesyoran kepada JKLM.

2.0 PENUBUHAN JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA DI KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

2.1 Penubuhan JKLM ini adalah demi memantapkan keberkesanan pemantauan pengurusan kontrak bagi mengurangkan isu kelewatan dan lanjutan masa (*Extension of Time/EOT*) yang berulang melibatkan kontrak memandangkan KKLW selaku agensi pelaksana secara dasarnya adalah bertanggungan berkaitan kos projek. Ini adalah juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan semua projek Kerajaan dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan demi memastikan perancangan sistem penyampaian negara tercapai.

2.2 Keanggotaan JKLM KKLW adalah seperti berikut:

Pengerusi	: Ketua Setiausaha Kementerian (KSU)
Pengerusi Ganti	: Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Ahli- Ahli	: Penasihat Undang-Undang (PUU)
	: Setiausaha Bahagian Teknikal/ Wakil (Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional)
	: Setiausaha Bahagian Infrastruktur/ Wakil (Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional)
	: Setiausaha Bahagian Perolehan/ Wakil (Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional)
	: Setiausaha Bahagian Pembangunan & Pemantauan Projek/ Wakil (Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional)
Urus Setia	: Bahagian Teknikal
Pembentang	: Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (P.P) Berkaitan

* Korum Mesyuarat sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
* Kehadiran Setiausaha Bahagian Teknikal/ Wakil adalah **wajib.**

2.3 Permohonan kepada JKLM hendaklah dibuat melalui Urus Setia yang bertanggungjawab menyemak dan memastikan dokumen permohonan adalah lengkap mengikut tatacara permohonan. Urus Setia akan menentukan tarikh dan mengatur Mesyuarat JKLM serta merekod ulasan dan keputusan JKLM.

2.4 Dengan penubuhan JKLM ini, Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P) **hanya dibenarkan meluluskan Perakuan *EOT* yang pertama dan kedua sahaja tanpa perlu merujuk kepada JKLM**. Permohonan kelulusan *EOT* yang ketiga dan seterusnya hanya boleh dikeluarkan oleh P.P selepas rujukan terlebih dahulu dibuat kepada JKLM dan persetujuan diperoleh daripada JKLM.

2.5 Tertakluk kepada perenggan 2.4, pemberian kelulusan *EOT* oleh P.P hendaklah juga mendapat persetujuan JKLM sekiranya:

(a) Tempoh *EOT* pertama yang hendak diperakukan melebihi satu (1) tahun;
(b) Tempoh kumulatif *EOT* pertama dan kedua adalah melebihi satu (1) tahun; dan
(c) Tempoh *EOT* pertama adalah melebihi tempoh asal kontrak.

2.6 Semua permohonan *EOT* untuk pertimbangan P.P/JKLM perlu dikemukakan dalam tempoh kontrak yang masih berkuatkuasa.

2.7 P.P hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) peringkat Kementerian sejajar dengan 1PP PK.4.9/2013 'Peraturan Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit', sekiranya P.P berpendapat kontraktor tidak lagi berupaya atau bermasalah untuk menyiapkan projek sebagaimana yang telah ditetapkan dalam kontrak.

2.8 Tatacara permohonan dan format laporan pengesyoran P.P untuk kelulusan JKLM adalah seperti di **Lampiran A**.

3.0 PEMAKAIAN

Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKLW ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan, 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) dan Pekeliling-pekeliling lain yang berkaitan. Sekiranya terdapat percanggahan peruntukan dengan mana-mana undang-undang atau pekeliling yang berkaitan, hanya perenggan yang bercanggah tersebut sahaja terbatal dan tidak melibatkan perenggan lain yang akan terus berkuatkuasa.

4.0 KUATKUASA

Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKLW Bilangan 1 Tahun 2016 ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan.

DATO' MOHD ARIF BIN AB RAHMAN

Tarikh : 16 Mac 2016
Rujukan : KKLW.100-1/6/1(7)

s.k;

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)

LAMPIRAN A

TATACARA PERMOHONAN KEPADA JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (JKLM) KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH

1. Tatacara ini terpakai bagi permohonan:
   (a) lanjutan masa (*Extension of Time/ EOT*) ketiga dan seterusnya; dan
   (b) keadaan seperti di Perenggan 4.5 untuk pertimbangan JKLM.

2. Sekiranya Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (P.P) menerima permohonan EOT daripada kontraktor dan berpendapat Kontraktor mempunyai asas yang kukuh sebagaimana yang diperuntukkan dalam syarat-syarat kontrak dan layak dipertimbangkan untuk EOT, P.P hendaklah **dalam tempoh 30 hari** mengemukakan permohonan lengkap dan teratur daripada Kontraktor bersama ulasan dan pengesyoran P.P dengan menggunakan borang 'Permohonan Lanjutan Masa' (KKLW-JKLM) seperti di **LAMPIRAN I** kepada Urus Setia JKLM di Bahagian Teknikal, KKLW.

3. Semua permohonan EOT hendaklah disediakan dalam 4 salinan dan setiap salinan mengandungi dokumen lengkap seperti berikut:

   i. Borang Permohonan EOT – Borang KKLW-JKLM;
   ii. Perakuan EOT No.1 dan 2 yang telah diluluskan oleh P.P;
   iii. Surat permohonan EOT daripada kontraktor;
   iv. Jadual Kerja (*Work Program*) asal dan Jadual Kerja yang dicadangkan;
   v. Justifikasi untuk EOT termasuk semua dokumen berkaitan;
   vi. Asas perkiraan bilangan hari yang dicadangkan untuk dilanjutkan; dan
   vii. Dokumen- dokumen lain yang dapat membantu permohonan.

4. Permohonan kepada JKLM hendaklah dikemukakan semasa kontrak masih berkuatkuasa iaitu **sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari** sebelum tamat tempoh kontrak bagi memastikan keputusan untuk perakuan lanjutan masa oleh P.P dibuat sebelum tempoh kontrak tamat. Ini bagi mengelakkan implikasi perundangan dan kewangan memandangkan tempoh menyiapkan kontrak akan berada dalam keadaan *"time at large'*.

LAMPIRAN I

KKLW-JKLM

KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
PERMOHONAN LANJUTAN MASA NO.: ____

A. BUTIR-BUTIR KONTRAK

1.	Tajuk Kontrak:
2.	Harga Asal Kontrak:
3.	Tarikh Milik Tapak:
4.	Tarikh Siap Asal/Dilanjutkan:
5.	Kemajuan Kerja Semasa/Jadual:

B. MAKLUMAT LANJUTAN MASA YANG TELAH DILULUSKAN

1	Sebab-sebab Lanjutan Masa:	Klausa	Tempoh
	a.		
	b.		
	Jumlah hari yang diluluskan:		

C. MAKLUMAT LANJUTAN MASA YANG DIPOHON OLEH KONTRAKTOR

1 Tarikh Permohonan Kontraktor:

2	Sebab-sebab Permohonan:	Klausa	Tempoh
	a.		
	b.		
	Jumlah hari yang dipohon:		

3 Asas permohonan. Sila lampirkan:
- a) Surat permohonan Kontraktor
- b) Laporan kemajuan semasa
- c) Jadual Kerja (Work Program) asal dan Jadual Kerja yang dicadangkan.

4 Nyatakan justifikasi dan sebab-sebab permohonan lanjutan masa

5 Asas perkiraan tempoh lanjutan masa:

6 Dokumen sokongan berkaitan:

LAMPIRAN I

D. PENGESYORAN PEGAWAI PENGUASA/PENGARAH PROJEK

1 Sila nyatakan asas pengesyoran P.P. dengan memberi justifikasi dengan mengambilkira faktor-faktor berikut:-

a) Nyatakan peristiwa-peristiwa yang menyebabkan kelewatan.
b) Nyatakan klausa-klausa yang berkaitan sejajar dengan syarat-syarat kontrak.
c) Asas perkiraan bilangan hari dengan mengambilkira tempohperistiwa yang bertindih dan berturutan.
d) Faktor-faktor lain yang boleh diambilkira untuk menyokong permohonan kontraktor.

2	Sebab-sebab Yang Disyorkan:	Klausa	Tempoh
	a.		
	b.		
	Jumlah hari yang disyorkan:		

.....
Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P)*
Tarikh:

E. KEPUTUSAN JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

Bersetuju/Tidak Bersetuju** memperakukan lanjutan masa di atas dengan tempoh ..... hari.

.....
Pengerusi

.....	.....	.....
Ahli Jawatankuasa	**Ahli Jawatankuasa**	**Ahli Jawatankuasa**
.....	.....	.....
Ahli Jawatankuasa	**Ahli Jawatankuasa**	**Ahli Jawatankuasa**

Tarikh: